

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 DISEMBER 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MetMalaysia nafi khabar angin	Harian Metro
2	Deruan langkisau masuk dataran	Harian Metro
3	Aktiviti Jangmi dipantau	Sinar Harian
4	Jangmi expected to hit Kudat, Sandakan	New Straits Times
5	Kelantan teacher seeks food supplies from KL	The Malay Mail
6	Freak storm wreaks havoc in Balik Pulau villages	The Malay Mail
7	Angin kencang dan laut bergelora berterusan hingga esok	Bernamea.com
8	Pergerakan ribut tropika Jangmi dipantau rapi	Bernamea.com
9	Ribut Jangmi: elakkan kawasan pantai dan laut di Sabah	Bernamea.com
10	Kerjasama CyberSecurity, MAMPU mantapkan keselamatan digital	Kosmo
11	Kerjasama CyberSecurity, MAMPU	Berita Harian
12	2014 in tech	New Straits Times
13	Media appreciation tea session	The Star
14	A cooperative cushion for rubber growers	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 36
TARIKH: 31 DISEMBER 2014 (RABU)

Kuala Lumpur

MetMalaysia nafi khabar angin

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menafikan penyebaran mesej kononnya tsunami dan ribut akan melanda 90 peratus kawasan di Malaysia dalam tempoh 72 jam.

Pengarah Pusat Cuaca Nasionalnya Zahari Abdullah berkata, perkara itu tidak akan berlaku di Malaysia kerana Ribut Tropika yang kini melanda barat saya Cebu, Filipina akan ke arah barat dan barat laut.

“Memang sekarang berlaku Ribut Tropika di barat daya Cebu, Filipina, bagaimanapun MetMalaysia mendapati pergerakan ribut itu tidak menuju ke Malaysia, sebaliknya pemantauan mendapati pergerakan ribut melencong ke barat dan barat laut.

“Lokasi terdekat Malaysia iaitu timur laut Sandakan, Sabah dengan jarak 621 kilometer (km) juga tidak akan menerima tempias ribut berkenaan,” katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 45
TARIKH: 31 DISEMBER 2014 (RABU)

Deruan langkisau masuk daratan

Georgetown: Angin kencang luar biasa sehingga merosakkan ratusan rumah di sekitar Balik Pulau, di sini, malam kelmarin dipercayai berpunca daripada angin langkisau yang memasuki kawasan daratan.

Pegawai Meteorologi daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Khairul Majid Ibrahim berkata, angin langkisau itu terbentuk daripada kelompok awan kumulonimbus dan biasanya di-

sertai bersama ribut petir.

“Sukar untuk mengetahui sama ada angin kencang itu puting beliung atau tidak. Ini kerana, kami tiada imej atau video yang dapat mengesahkan perkara berkenaan.

“Tambahan pula, kami tidak mempunyai stesen kaji cuaca di Balik Pulau untuk mengesan perubahan cuaca. Stesen yang paling hampir ialah di Bayan Lepas dan di Butterworth,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Aktiviti Jangmi dipantau

KUCHING - Sarawak sedang memantau pergerakan ribut tropika Jangmi yang menghala tengah dan selatan Filipina, walaupun ia dijangka tidak membawa kesan serius kepada bahagian selatan Sarawak sekiranya ribut itu kekal dengan haluan pergerakannya.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata, pergerakan ribut itu hanya akan menyebabkan hujan lebat di beberapa tempat di bahagian utara Sarawak seperti Miri, Limbang dan Lawas.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak berkata, Jangmi akan dipantau dengan teli-



Peta pergerakan ribut tropika Jangmi.

ti tiga atau empat hari ini jika ia menyimpang dari pergerakannya, namun persekitaran semasa tidak menunjukkan tanda-tanda bencana besar akan melanda Sarawak.

Bagaimanapun katanya, semua agensi dan jabatan yang berkaitan sudah diarah meningkatkan tahap kesiapsagaan sejak

beberapa hari lalu dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana banjir.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa ribut Jangmi yang kini berada di kedudukan kira-kira 40 kilometer barat daya Cebu, Filipina, bergerak ke barat laut berkelajuan 15km/j. - Bernama

Jangmi expected to hit Kudat, Sandakan

KUALA LUMPUR: People on the west coast and north of Sabah have been advised to brace for tropical storm Jangmi which will bring strong winds, heavy rain and rough seas.

Meteorological Department National Weather Centre senior meteorological officer Dr Mohd Hisham Mohd Anip said the storm, originating from the southern Philippines was expected to hit areas such as Kudat and Sandakan. The storm would last until Jan 1.

"Winds from the South China Sea will be heading towards the centre of the storm causing areas in the east coast and north of Sabah to experience a spillover effect from the storm which moves with a force of 80kmph to 90kmph.

"The winds in Sabah are expected to be around 40kmph to 50kmph."

However, he said there was only a slim chance of the thunderstorm moving towards the Peninsula.

"We have been monitoring the storm for two days and there are no signs of it heading this way," he said, adding that the storm might dissipate at sea while on its way here.

The United States Navy and Air Force Joint Typhoon Warning Centre predicted Jangmi, which struck the east of Mindanao in the Philippines, will move into the South China Sea in the next few days.

According to the Weather Channel, six people were reported dead and thousands have been evacuated, as the tropical storm which is also known as Seniang, drifted through the Philippines, unleashing torrents of rainfall leading to deadly landslides and severe flooding.

More than 13,000 travellers have been stranded, as choppy seas shut down travelling between the country's many islands with at least one bridge destroyed by floods.

